

15/11/1999

BN tumpu kempen di empat negeri

Kadir Dikoh; Jamiah Shukri

KUALA LUMPUR, Ahad - Empat negeri - Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis - akan menjadi tumpuan jentera kempen Barisan Nasional (BN) dalam menghadapi pilihan raya umum kali ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, BN akan menumpukan perhatian kepada dua negeri di Pantai Timur dan dua negeri di utara itu kerana terlalu banyak fitnah dilemparkan di wilayah berkenaan, yang majoritinya orang Melayu.

"Di negeri-negeri ini, banyak orang Melayu di kampung begitu percaya kepada orang yang pada pendapat mereka adalah ulama, yang menggelar diri sebagai ulama dan mengguna kedudukan mereka untuk mengelirukan rakyat.

"Umpamanya mereka (pembangkang) berkata Tuhan mencarut. Benda itu tak benar tetapi kerana yang mengatakan itu ulama, mereka percaya. Jika saya pula berkata fitnah itu lebih buruk daripada membunuh dan ia memang tertulis dalam al-Quran, tetapi disebabkan itu saya yang kata, mereka (buat) tak tahu," katanya.

Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian selepas menyampaikan amanat kepada lebih 15,000 anggota pergerakan Pemuda dan Wanita BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN berkata, semua jentera parti itu akan digerak untuk menjelaskan kedudukan sebenar dalam usaha menangkis segala bentuk fitnah serta pembohongan pembangkang.

Ditanya oleh wartawan asing mengapa beliau mahukan kemenangan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum kali ini, Dr Mahathir berkata ia kerana rakyat mahukan sebuah kerajaan yang stabil.

"Ada yang kata kita mahukan majoriti dua pertiga kerana kita mahu meminda Perlembagaan. Itu tidak benar. Sudah beberapa tahun kita tidak meminda Perlembagaan.

"Tetapi dengan majoriti dua pertiga dan 14 parti dalam pakatan (BN), tidak ada satu parti boleh meninggalkan pakatan serta berharap menyertai parti lain dan menubuhkan kerajaan untuk memperkecilkan majoriti. Walaupun parti terbesar, meninggalkan (BN), mereka tidak akan berupaya untuk membentuk kerajaan," katanya.

Berhubung andaian wartawan asing bahawa pembangkang yang kuat di Parlimen akan menghidupkan sistem demokrasi supaya lebih sihat, Dr Mahathir berkata, dalam kes di Malaysia, pendekatan pembangkang adalah berlainan.

"Sihat dalam kes tertentu tetapi pembangkang telah menunjukkan mereka tidak berminat dalam pembangunan negara ini. Mereka cuma menyebarkan khabar angin, melemparkan pelbagai tuduhan yang tidak berasas.

"Mereka tidak mempunyai sifat bertanggungjawab kepada negara. Mereka mahu meminta orang asing untuk menentukan siapa patut memerintah kerajaan di negara ini. Jadi, mengapa harus kita mempunyai pembangkang yang kuat seperti itu," katanya.

Dr Mahathir turut diminta penjelasan oleh wartawan asing mengenai ucapan beliau pada majlis itu bahawa populariti seseorang tidak penting dalam pilihan raya.

Perdana Menteri menjelaskan, pilihan raya bukan pertandingan untuk mencari populariti, sebaliknya pertandingan untuk membentuk sebuah kerajaan.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata pilihan raya umum bukan pertandingan ratu cantik untuk menentukan siapa yang paling cantik dan

paling popular.

Katanya, pilihan raya adalah untuk membentuk kerajaan yang jujur, ikhlas dan berwibawa serta mempunyai idea-idea baik, yang dapat memaju serta membangunkan negara ini.

"Hanya orang bodoh yang menganggap pilihan raya adalah untuk uji siapa lebih popular," katanya.

Dr Mahathir meminta rakyat menolak parti politik yang sanggup meminta bantuan dan bersekongkol dengan kuasa besar untuk mencapai impian memenangi pilihan raya ini.

Katanya, BN sudah bersiap sedia menghadapi segala cabaran yang bakal ditempuhi dalam pilihan raya ini dan berharap dapat menghapuskan musuh-musuh negara.

(END)